

Aspek integriti dalam kepimpinan parti politik

Utusan Online

01 Mac, 2013

DATUK DR. AZIZ JAMALUDIN MHD TAHIR

Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim)

PAKATAN pembangkang telah mengumumkan manifesto untuk Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) dan ini bermakna hari penentuan parti manakah yang akan memerintah untuk tempoh lima tahun akan datang semakin hampir. Namun yang berhak membubarkan Parlimen adalah Perdana Menteri.

Menariknya melihat PRU-13 kali ini adalah kesungguhan kedua-dua pihak dalam mempengaruhi 13.3 juta pengundi berdaftar agar memilih calon yang mewakili parti-parti mereka.

Pakatan pembangkang turut mengumumkan bahawa sudah bersedia bersaing satu lawan satu dengan Barisan Nasional (BN) yang menerajui kerajaan sejak 55 tahun lalu dan menang dalam kesemua 12 siri PRU.

Pada PRU-12, ia membuktikan parti-parti pembangkang boleh membentuk sebuah pakatan yang kuat apabila buat pertama kalinya mereka berjaya mencapai kesepakatan untuk berlawan dengan BN satu lawan satu. Hasilnya, keputusan PRU-12 pakatan pembangkang menang 82 kerusi Parlimen dan berkuasa di Perak, Pulau Pinang, Selangor dan Kedah serta kekal di Kelantan.

Kekuatan itulah juga menjadikan PRU-12 tidak pernah sunyi dengan kempen kedua-dua pihak secara berterusan. Pakatan pembangkang berusaha untuk melaksanakan agendanya, iaitu menukarkan kerajaan dengan apa cara sekali pun termasuk desakan supaya diadakan pilihan raya lebih awal, menganjurkan perarakan terutama di Kuala Lumpur, merancang lebih banyak pilihan raya kecil dan memburuk-burukkan kerajaan.

Bagi memperkuatkan sokongan rakyat, pakatan pembangkang melaksanakan siri propaganda tanpa henti sebagai usaha membentuk persepsi buruk terhadap anggota polis, badan kehakiman, sistem undang-undang dan seterusnya perang psikologi terhadap pemimpin yang BN.

PRU-13 bakal menjadi persaingan yang paling sengit dalam sejarah pilihan raya Malaysia kerana pakatan pembangkang merasakan inilah peluang terbaik untuk menang dan menyingkirkan penguasaan BN.

Tentunya apabila Dewan Rakyat dibubarkan, situasi kempen akan menjadi semakin panas dan sukar dikawal lagi. Pakatan pembangkang akan melancarkan pelbagai tindakan provokasi dan berdasarkan kecenderungan yang sudah dipamerkan dua tahun terakhir ini, jelas membuktikan pakatan pembangkang tidak akan memperlakukan rentaknya.

Bagaimanapun, pakatan pembangkang sudah melakukan banyak kesilapan yang agak sukar diperbetulkan dan rakyat mula merasakan jika pakatan pembangkang memerintah, rakyat dan keringat rakyat tidak akan menjadi lebih baik.

Faktor yang menyebabkan imej pakatan pembangkang terjejas ialah hebatnya *political bashing* antara parti dalam gabungan itu yang belum boleh bermuafakat dalam ideologi; amalan kroni dan nepotisme dalam proses pemilihan parti; dwistandard dalam menentukan tahap kebebasan; tekanan keputusan tidak membenarkan penggunaan kalimah Allah bagi bukan Islam; tuntutan manifesto PRU-12 yang tidak ditepati; kelemahan pentadbiran

kerajaan negeri pakatan pembangkang; penggondolan hutan simpanan; 'perseteruan kekal' dengan UMNO dan BN; pendirian yang berubah-ubah dalam sesuatu isu; dan serangan dan pendedahan oleh bekas wakil rakyat pakatan pembangkang yang semakin lantang dan keras.

Wakil-wakil rakyat yang mengisytiharkan diri sebagai wakil rakyat bebas sanggup melakukan lebih banyak pendedahan bagi menghalang kemenangan pakatan pembangkang. Senario inilah yang dijangka memanaskan suhu kempen PRU-13 nanti dan tentunya ia mudah cenderung mencetuskan pergaduhan jika tidak berwaspada.

Eloklah kalau semua parti yang bertanding menandatangani perjanjian untuk menjaga perilaku penyokong parti masing-masing. Kalau Perdana Menteri boleh menandatangani pengakuan menjaga tahap integriti, maka tiada sebab yang kukuh wakil-wakil rakyat pakatan pembangkang enggan mengambil pendirian yang sama.

Ia penting untuk tidak mencipta hal-hal yang negatif dan tidak betul, kerana serangan tanpa fakta yang kukuh itulah menyebabkan keghairahan bersaing bertukar kepada keghairahan bergaduh sehingga boleh mencetuskan konflik berdarah.

Walhal aspek integriti amat ditekankan dalam ajaran Islam. Integriti menjadi nilai teras yang mesti dipegang teguh oleh semua kepemimpinan sama ada pihak yang memerintah mahupun pihak pembangkang. Dengan wujudnya kesedaran integriti yang kukuh, maka kerajaan itu sendiri akan dilihat sebagai kerajaan yang bertunjangan kepada kerajaan yang bersih.

Pemerintahan yang bersih amat ditekankan oleh Islam sebagaimana yang dinyatakan dalam hadis Nabi yang bermaksud: *"Rasulullah bersabda sesungguhnya Allah sentiasa bersama dengan hakim/kadi (pemerintah) sepanjang dia tidak pecah amanah. Kalau dia sudah pecah amanah maka Allah akan menjauh daripadanya, dan syaitan menjadi temannya"*.

Allah amat menyanjung dan menghormati perilaku orang yang konsisten memegang integriti. Tiada balasan yang paling tepat bagi orang yang jujur dan berintegriti ini melainkan balasan syurga sebagaimana yang digambarkan oleh Allah. Allah berfirman: *"Inilah hari (kiamat) yang (padanya) orang-orang yang benar (pada tutur kata dan perbuatannya) mendapat manfaat dari kebenaran mereka; mereka beroleh syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya. Allah reda akan mereka dan mereka pula reda akan Dia. Itulah kejayaan yang amat besar"*. (Al Maidah 119).

Bagi menjamin tidak berlaku insiden negatif, setiap calon dan parti yang bakal bertanding perlu memberikan jaminan bertulis, bahawa akan menerima sebarang keputusan PRU-13 dengan sihat, tidak mencipta dakwaan tanpa bukti atas sesuatu kesalahan.

Parti yang menang, tidak menambahkan tekanan terhadap mereka yang kalah, dan mereka yang kalah, menerima keputusan itu dengan tenang. Jika dibuktikan ada kesilapan, maka proses penyelesaiannya hendaklah dilakukan secara beradab dan bukan membawanya ke jalan raya.

Tidak perlu mengimport *Arab Spring* kerana ia membangkitkan emosi marah dan membuktikan ketidakmatangan sebahagian daripada kita mengenai politik. Kaedah penyelesaian dengan cara itu, tidak membantu melakarkan keberanian moral yang terpuji dan memperlekehkan kaedah berpolitik dalam konteks Islam.

Bertanding memang dibolehkan tetapi berperang kerana ingin menang dilarang dan undang-undang perlu dijadikan pedoman. Kalau wakil rakyat tidak menghormati undang-undang, ia amat malang kepada wakil rakyat itu sendiri. Wakil rakyatlah sebenarnya yang

memberikan keputusan sama ada sesuatu undang-undang itu dilulus, dipinda, ditolak ataupun dimansuhkan.

Jangan pula ada kecenderungan wakil rakyat menentang undang-undang yang telah mereka luluskan. Jika tidak, sampai bila pun tahap keyakinan umum terhadap wakil rakyat akan terus berada dalam senarai profesion yang paling rendah tahap kepercayaan masyarakat. Ia pernah dibuktikan dalam satu tinjauan pendapat (2006) terhadap lebih 2,000 responden dalam kalangan mahasiswa, ahli politik adalah kumpulan profesion yang paling tidak dipercayai.

Meskipun ia adalah persepsi yang tidak menggambarkan sikap sebenar masyarakat, sekurang-kurangnya dapatan itu mengingatkan kepada mereka yang bakal dipilih sebagai calon wakil rakyat. Jika calon pakatan pembangkang enggan melakukannya, ia sekali gus mencerminkan "cakap tidak serupa bikin".

Kalau calon yang enggan menyahut cadangan Transparency International Malaysia kalah, bermakna kekalahan tersebut bukanlah disebabkan oleh UMNO, ia disumbangkan oleh pendirian calon itu sendiri yang gagal membuktikan dirinya bersih atau dilihat bersih.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Rencana/20130301/re_03/Aspek-integriti-dalam-kepimpinan-parti-politik